

# Anwar nafi ada paksaan dalam dasar budaya

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim, menafikan adanya unsur paksaan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan kebudayaan kebangsaan.

Beliau menegaskan, dasar kebudayaan kebangsaan dirangka untuk membantu proses perpaduan dengan memupuk kesedaran masyarakat melalui penyelidikan, pengembangan perenerangan dan kegiatan-kegiatan kebudayaan.

Ketika berucap mengulung perbahasan anggaran peruntukan kementerianya di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata, langkah itu bertujuan memastikan teras kebudayaan kebangsaan berasaskan kebudayaan Bumiputera dapat dikembangkan.

"Sosi paksaan tidak timbul sama sekali dan kementerian dakucita dengan terdapat andaian bahawa kementerian menganjurkan unsur-unsur paksaan dalam bidang kebudayaan," ujarnya.

Encik Anwar menerangkan, kementerianya akan terus mengadakan dialog-dialog dengan pelbagai pertubuhan bagi mencapai matlamat penyatuan nilai-nilai bersama ke dalam masyarakat.

Menurutnya, kaum-kaum bukan Melayu termasuk Cina dan India akan terus dijemput untuk bergiat secara aktif dalam semua aspek dasar itu.

Kementerian berhasrat mendapatkan pandangan pelbagai golongan masyarakat dan kaum yang mendaijkan masyarakat berbilang kaum negara ini, tambahna.

Encik Anwar juga menjelaskan, adalah tidak benar

belia-belia kaum lain dan dari belia Sabah dan Sarawak tidak diberi peluang menyertai rancangan-rancangan lawatan dan latihan anjuran kementerianya.

Rekod adalah jelas menunjukkan kesempatan diberi kepada belia semua kaum untuk menyertai kegiatan-kegiatan kementerian, katanya.

Beliau menambah, penyertaan belia dari Sabah dan Sarawak juga ditingkatkan bagi mencapai matlamat perpaduan nasional.

"Kalaupun kurang penyertaan belia dari Sabah dan Sarawak, ia bukanlah disengajakan oleh kementerian, tetapi disebabkan oleh kekurangan peruntukan," kata Encik Anwar.

## Kurang peruntukan

Beliau bersetuju pihaknya harus menggunakan pendekatan yang liberal dalam pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan, tetapi ia tidak harus diertiikan sebagai satu kelemahan bagi pihak kementerian.

Encik Anwar berkata, usaha-usaha juga sedang dilaksanakan bagi menambah pegawai bukan Melayu di kementerianya.

Menurutnya, kementerian juga akan meneliti syor supaya satu briged belia ditubuhkan untuk memberi latihan dan bimbingan kepada pemuda-pemuda yang gagal dalam peperiksaan SPM bagi menyediakan mereka menghadapi masa depan.

Menyentuh mengenai sukan, Encik Anwar berkata, satu skim baru akan dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan belia-belia yang cenderung dalam bidang itu sebagai langkah memperbaiki prestasi negara di lapangan sukan antarabangsa.